



INISIATIF / KOMITMEN MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

SELEPAS PELAKSANAAN KENAIKAN CUKAI TAKSIRAN TAHUN 2025

Susulan daripada kenaikan kadar Cukai Taksiran yang dilaksanakan bermula 1 Januari 2025, Majlis Perbandaran Selayang akan meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan perbandaran kepada penduduk di bawah pentadbiran MPS. Jangkaan penambahan hasil sebanyak RM 26 juta melalui semakan cukai taksiran ini juga akan digunakan untuk melaksanakan perkara berikut sebagai nilai tambah :

INISIATIF / KOMITMEN JANGKA MASA SEGERA

01

INSENTIF PEMBAYAR CUKAI TAHUN 2025 (BIL PERTAMA)

Pemberian **tong sampah percuma*** kepada pembayar cukai taksiran (**melebihi RM200**) dan membuat bayaran penuh (1 Tahun). Pemberian akan dilaksanakan secara berperingkat bermula bulan Mac 2025.

*Terhad sementara stok masih ada



02

PEMBEKALAN TONG SAMPAH DI PERUMAHAN STRATA.


Pembekalan penggantian **tong-tong sampah** di kawasan perumahan strata bagi menggantikan tong sampah yang telah rosak. Pembekalan akan dilaksanakan secara berperingkat mulai Januari 2025.



03

PENAMBAHAN PENCAHAYAAN

Penambahan pencahayaan dengan menggunakan teknologi Solar LED di kawasan lapang serta kawasan yang berisiko secara berperingkat untuk mengurangkan kes jenayah.



04

SISTEM TEMPAHAN UNTUK KEMUDAHAN FASILITI SUKAN

Menggantikan sistem tempahan dan bayaran daripada secara manual kepada secara **dalam talian (online)** untuk penggunaan fasiliti-fasiliti kemudahan awam MPS.



05

KAWALAN ANJING LIAR


Penambahan pasukan tangkapan melalui program *task force* tangkapan anjing liar, **penggantian kenderaan tangkapan haiwan** dan memperkasakan program **GIDOP (Give and Adopt)** bagi anjing liar yang ditangkap.



06

PAPAN TANDA NAMA TAMAN

Projek papan tanda taman tahun 2025 sebanyak 74 unit dan tahun 2026 sebanyak 73 unit. Keseluruhan kawasan **147 unit** papan tanda nama taman.



07

KELULUSAN LESEN SERTA MERTA

Menambah senarai aktiviti perniagaan yang boleh diluluskan secara **Lesen Serta Merta** daripada 23 aktiviti (sedia ada) kepada 69 aktiviti (keseluruhan). Cadangan penambahan sebanyak **46 aktiviti** untuk dilaksanakan pada tahun 2025.



08

PENAMBAHAN CCTV

Penambahan pemasangan **50 unit CCTV baharu** di kawasan-kawasan yang bersesuaian seperti hotspot jenayah dan sampah haram.





INISIATIF / KOMITMEN MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG SELEPAS PELAKSANAAN KENAIKAN CUKAI TAKSIRAN TAHUN 2025


Susulan daripada kenaikan kadar Cukai Taksiran yang dilaksanakan bermula 1 Januari 2025, Majlis Perbandaran Selayang akan meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan perbandaran kepada penduduk di bawah pentadbiran MPS. Jangkaan penambahan hasil sebanyak RM 26 uta melalui semakan cukai taksiran ini juga akan digunakan untuk melaksanakan perkara berikut sebagai nilai tambah :

INISIATIF / KOMITMEN JANGKA MASA SEDERHANA

01

MENAIKTARAF DAN PENAMBAHAN FASILITI SUKAN

Menaiktaraf dan menambah fasiliti sukan iaitu **gelanggang serbaguna berbumbung** (futsal / basketball / volleyball) di kawasan lapang selenggaraaan dan seliaan MPS. Cadangan bagi projek ini adalah **1 projek** bagi **1 mukim** setiap tahun.



02

PUSAT KITAR SEMULA BERSEPADU

Membina Pusat Kitar Semula Bersepadu **di Rawang Perdana** dan tumpuan akan terarah kepada sisa organik dari premis makanan dan pasar terpilih, sisa kebun dari penyelenggaraan dalaman dan kontraktor serta sisa minyak terpakai dari orang awam dan premis makanan di seluruh MPS.



03

PAPAN TANDA PEMAKLUMAN CERUN

Cadangan pemasangan **papan tanda cerun di 256 kawasan** secara berfasa sepanjang tahun 2025/2026. **Papan tanda akan dilengkapi Kod QR** bagi infomasi cerun termasuk penyelenggaraan dan pemilik cerun berkaitan.



INISIATIF / KOMITMEN JANGKA MASA PANJANG

01

PELAN TINDAKAN BANDAR PINTAR SELAYANG 2030

Melancarkan **Pelan Tindakan Bandar Pintar MPS** ke arah menjadikan Selayang Perbandaran Pintar menjelang **tahun 2030**.



02

NAIK TARAF KOLAM AIR PANAS

Menaiktaraf **Kolam Air Panas Selayang** sebagai salah satu lokasi ekopelancongan utama di daerah Gombak.



03

PENAMBAHBAIKAN PERMOHONAN MEMBAIKI BANGUNAN

Cadangan permohonan kategori baik bangunan boleh **diluluskan dengan serta merta** (permohonan lengkap) bagi **8 kategori** permohonan tanpa perlu menunggu tempoh 7 hari bekerja.



Untuk maklumat lanjut **layari <https://www.mps.gov.my/ms/hebahan-awam>** atau **imbas kod QR untuk muat turun dokumen** Inisiatif/ Komitmen Majlis Perbandaran Selayang selepas pelaksanaan kenaikan cukai taksiran tahun 2025

